

PM dukacita Nik Aziz tukar pendirian

PASIR GUDANG 16 April - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau dukacita kerana Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat telah menukar pendiriannya berhubung kes dua orang wakil rakyat walaupun pada mulanya beliau menghormati keputusan mahkamah.

"Mula-mula Nik Aziz kata dia terima baik dan menghormati keputusan mahkamah.

"Malah dia alu-alukan dua orang wakil rakyat ini (Nordin Salleh - Sungai Pinang dan Wan Mohd Najib Wan Mohamad - Limbungan) tapi sekarang mereka ambil tindakan, ini menunjukkan mereka tidak jujur," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata si-

kap Kerajaan Pas ini adalah sikap yang tidak betul dan hipokrit.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terakhir berhubung dengan kedudukan kedua-dua wakil rakyat berkenaan.

Beliau bercakap semasa persidangan akhbar selepas merasmikan pembukaan Kilang Titan Himont Polymers (M) Sdn. Bhd. di sini petang ini.

Dewan Undangan Negeri Kelantan yang bersidang pada 13 April lalu telah meluluskan usul tergepar bagi mendapatkan kedua-dua wakil rakyat barisan nasional tersebut kepada Jawatankuasa Terpilih Dewan kerana "membohongi pengundi dan mencemarkan Dewan".